

16 FEB 2003

Persidangan-Resolusi/I

PERSIDANGAN AMAN M'SIA AKAN SERAH RESOLUSI KEPADA PM

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Resolusi Persidangan Antarabangsa Aman Malaysia mengenai Keamanan Global yang diadakan di sini hari ini akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir dijangka menerima resolusi itu semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali Ke-13 (NAM) di sini dari 20-25 Feb, untuk dipertimbangkan dan tindakan lanjut.

Menurut resolusi itu, persidangan itu gusar dengan trend membimbangkan ke arah unilateralisme (satu pihak) di pihak Amerika Syarikat (AS) dan mengutuk unilateralisme dalam menyelesaikan isu-isu antarabangsa.

Persidangan sehari itu, yang dihadiri 1,000 peserta, turut menggesa AS untuk kembali ke landasan berbilang pihak berdasarkan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Tiga isu yang perlukan perhatian segera yang telah dibincangkan pada persidangan itu ialah krisis di wilayah yang diduduki di Palestin, kemungkinan perang ke atas Iraq dan senjata yang mengakibatkan kemusnahan besar-besaran.

Mengenai isu Palestin, persidangan itu menyokong gesaan bagi penubuhan sebuah suruhanjaya siasatan bebas di bawah PBB untuk menyiasat jenayah perang dan pencabulan hak asasi manusia dan membicarakan Perdana Menteri Israel Ariel Sharon.

Persidangan itu percaya isu-isu dakwaan terdapatnya senjata yang mengakibatkan kemusnahan besar-besaran di Iraq dapat diselesaikan dengan aman melalui pemeriksaan senjata PBB dan menggesa bagi menamatkan semua sekatan ke atas Iraq.

Mengenai isu senjata yang mengakibatkan kemusnahan besar-besaran, persidangan itu menggesa PBB untuk mengubal perundangan bagi menghalang penyelidikan dan pembangunan semua jenis senjata yang mampu mengakibatkan kemusnahan besar-besaran.

Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) terdiri daripada gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), termasuk badan-badan sukarela, belia, beruniform, kebajikan, pelajar, profesional dan parti-parti politik.

Gabungan itu mempunyai satu objektif iaitu memperjuangkan bagi sebuah dunia yang aman, komprehensif, kekal dan saksama.

-- BERNAMA

SHI FA MFZ RHM